

Selasa – 24 Disember 2019

Halaman : 48

SELASA, 24 DISEMBER 2019 BH


48

Wanita&Keluarga



Kyle (tengah) dan sukarelawan Coway bersama masyarakat Orang Asli bergambar di tepi kolam buatan dan panel solar di Kampung Orang Asli Batu Putih, Kuala Rompin, baru-baru ini.

(Foto Farizul Hafiz Awang/BH)



Rona meminum air dari penapis air disediakan Coway.

Coway sedia bekalan air bersih kepada Orang Asli

Laksana projek Happy Water dengan kerjasama Global Peace Foundation

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

Muadzam Shah: Bekalan air bersih terutama di kawasan pedalaman sebagai sumber utama minuman, membasuh dan takungan air untuk mandi, diperlukan bagi memastikan keperluannya lebih selamat untuk seisi keluarga.

Di Kampung Orang Asli Batu Putih, di sini, umpamanya menjadi pilihan syarikat yang mengutamakan kesejahteraan manusia, Coway Malaysia, melaksanakan projek Happy Water Project bertujuan memberikan akses bekalan air bersih dengan kerjasama Global Peace Foundation.

Suri rumah, Faizah Caming, 36, menyifatkan urusan rumah tangga bertambah mudah apabila mendapat bekalan air bersih.

Ibu kepada enam cahaya mata itu berkata, suatu ketika dahulu sungai sumber air mereka dan terpaksa bergantung pada jeram atau takungan air untuk mandi, membasuh dan bekalan minuman.

“Keadaan itu bukan perkara

luar biasa kepada masyarakat di kawasan ini. Bagaimanapun, projek bekalan air bersih ini tidak ternilai apabila saat membuka pipi paip dan air jernih.

“Kemudahan dikecap jauh lebih baik berbanding kesukaran mengambil air, ancaman gajah liar, serta air keruh yang terpaksa digunakan kerana tiada pilihan.

“Saya berterima kasih kepada Coway kerana menyediakan kemudahan ini,” katanya ditemui, baru-baru ini.

Happy Water Project adalah inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) Coway, sekali gus mengutamakan kesejahteraan manusia yang sentiasa peka kepada keperluan masyarakat, tanpa mengira faktor geografinya.

Menerusi projek itu, ia menyarkan akses bekalan air bersih kepada lebih 1,000 keluarga Orang Asli, dalam masa lima tahun ini.

Untuk projek Kampung Orang Asli Batu Putih itu, media dibawa menyaksikan dua projek terbabit di mana Coway membina telaga pam induk, sebelum paip disambung ke 10 rumah yang keseluruhannya mempunyai 30 penduduk. Dengan sambungan paip itu, air dari tenaga dapat digunakan di rumah masing-masing.

Sementara itu, Rona Aying, 36, yang juga bapa kepada tiga anak berkata, usaha syarikat itu rahmat besar kepada mereka bagi mendapatkan kemudahan air bersih dari rumah, berbanding perlu

bergantung kepada kudratnya mengangkut bergelen air setiap dua hari dengan motosikal sejauh dua kilometer.

Katanya, projek ini dimulakan sejak awal tahun dengan penduduk sendiri bergotong-royong dan diajar bagaimana mengendalikan pam di perigi, yang dijana kuasa daripada generator.

“Ini realiti di pedalaman, sering keracunan, sakit perut kerana air minuman tidak dirawat, terdedah pada ancaman pesakit yang terpaksa dihadapi.

“Tetapi selepas Coway menggunakan projek ini, keadaan hidup bertambah selesa kerana boleh menggunakan air bersih pada bila-bila masa terus di rumah,” katanya.

Pengarah Urusan Woongin Coway (Malaysia) Sdn Bhd, Kyle Choi Ki Ryong, berkata walaupun kebanyakannya penduduk mempunyai akses air bersih, tetapi realitinya masih terdapat penghuni yang tidak memiliki keistimewaan ini.

Katanya, ada sesetengah kampung masih tidak mempunyai akses air menyebabkan mereka terpaksa memenuhi perjalanan jauh, untuk mendapatkan air dari sumber yang terdekat.

Beliau berkata, jenama terkenal dari Korea ini sebenarnya sudah lebih 13 tahun berada di pasaran negara ini, dengan lebih daripada satu juta isi rumah komited menjadikan tanggungjawab dan misi mereka untuk memastikan sesi-

apa saja mendapat bekalan air yang bersih.

Sehubungan itu, wujud inisiatif projek bekalan air berkenaan, sekali gus menaikkan taraf kehidupan komuniti Orang Asli dan penduduk luar bandar, dengan menyediakan akses air bersih melalui kemudahan penapis dalam.

Kemudahan ini menyesuaikan sumber air yang mampan, bergantung kepada keperluan penduduk.

“Sumber air bukan sahaja tidak bersih, tetapi dipenuhi pencemar yang dianggap bahaya seperti E coli serta partikel berbahaya lain,” katanya.

Sejak dimulakan pada 2017, Coway Malaysia sudah membantu 395 keluarga daripada 21 kampung.

Menurut Kyle, bagi membantu penduduk dengan akses mudah air bersih, pihaknya membina sumber air baharu dengan menggali perigi berhampiran rumah mereka.

“Kemudian perigi dimasukkan pam yang dihasilkan melalui panel solar dan generator elektrik, kemudiannya akan menyalurkan air ke tangki air yang bersambung ke rumah mereka.

“Ini membolehkan penduduk menerima air untuk mandi, memasak dan mencuci di rumah masing-masing,” katanya.

Kyle berkata, selain itu di Kampung Belbas, sumber air bukan masalah yang dihadapi penduduk



Kyle Choi Ki Ryong

tetapi tahap kebersihannya, kerana sumber air mereka datangnya daripada perigi yang terdedah dan dalam.

Keaduan ini tidak sesuai kerana memudahkan pembiakan serangga dan bakteria, yang boleh mencemarkan bekalan.

Justeru, bagi menyelesaikan masalah di kampung ini, syarikat menyediakan setiap keluarga dengan penapis air yang menyaring kotoran dan bahan berbahaya yang wujud dalam air.

“Kita berusaha meningkatkan taraf hidup mereka dengan menyediakan bimbingan, serta mendidik mengenai kepentingan kebersihan tangan dan mulut serta pemakanan seimbang,” katanya.

Beliau berkata, sebagai permuhan, pihaknya mengenal pasti masalah air yang diikuti dengan penyelesaian.

“Sepanjang pembabitan mereka dengan masyarakat kami menambahbaik kualiti atau perkara lain, yang berpunca daripada ketidakmampuan akses kepada air bersih.

“Bantuan kemajuan komuniti ini mengambil masa hampir enam bulan, termasuk membabitkan masyarakat, pemeriksaan keadaan air, pengenalan penyelesaian air dan latihan kebersihan diri, pengedaran penapis, latihan, pembinaan dan pemeriksaan dari masa ke masa,” katanya.